



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**PELANGGARAN PERATURAN DISIPLIN  
DI DUA BUAH SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN  
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

**ABDULLAH BIN HASSAN**

**FPP 1999 42**

**PELANGGARAN PERATURAN DISIPLIN  
DI DUA BUAH SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN  
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

**Oleh**

**ABDULLAH BIN HASSAN**

**Projek ini dikemukakan untuk memenuhi syarat keperluan  
Ijazah Master Sains di Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia**

**1999**



**KUABADIKAN tulisan ini**  
*Untuk insan **TERMULIA** dalam hidupku*

*Bonda **Asmah binti Mohd. Shariff**  
dan ayahanda **Hassan bin Alias**  
yang pernah mengharung derita demi  
kejayaan anakanda*

*Kedua-dua mentuaku yang setia dan sabar  
sebagai pendorong kejayaan*

*Untuk*  
*Isteri tersayang **Norhayati binti Saad**  
yang taat serta sanggup mengurangi kasih sayang demi  
mengharungi cita-cita murni  
tanpa jemu mendoakan kejayaanku*

*Untuk*  
*Zuriatku **Hazwan Anwar, Raihana Syahirah, Syafiq Muzhafar**  
yang akan kuperwariskan sebagai  
penyambung perjuangan  
selama tempoh pengajian ini  
turut menyumbang bakti  
suntikan kekuatan dan semangat jitu*

**KUABADIKAN juga**  
*untuk semua pensyarah dan insan  
yang menghulur jasa  
semoga **ALLAH** memberkati jasa bakti terbilang, **AMIN!***



## PENGHARGAAN

Pelanggaran disiplin dan permasalahan gejala sosial yang saban hari menjadi isu dan perbincangan sama ada oleh ahli akademik mahupun pihak media massa mendorong penulis untuk membuat kajian terhadap kategori dan sebab pelanggaran peraturan disiplin di sekolah.

Dalam kajian ini, beberapa pihak terlibat secara langsung dan memberikan input yang bermanfaat untuk tujuan penambahbaikan. Oleh itu, penulis ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada yang berkenaan atas kerjasama yang telah diberikan sehingga sempurnanya kertas projek ini.

- a) Pengetua, Guru-Guru dan Para Pelajar SMK Sungai Besi, Kuala Lumpur.
- b) Pengetua, Guru-Guru, dan Para Pelajar SMK Seri Ampang, Kuala Lumpur.
- c) Unit Hal Ehwal Murid, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, dan
- d) Semua pihak yang turut menyumbangkan idea memberikan semangat juang yang tinggi.

Penghargaan khas ditujukan kepada Yang Berbahagia Profesor Madya Dr. Hajah Kamariah bt. Haji Abu Bakar, Dekan Fakulti Pengajian Pendidikan selaku penyelia kertas projek atas nasihat, tunjuk ajar, dan pengorbanan yang tidak ternilai harganya.

Budi baik dan jasa bakti tuan/puan tetap dihargai dan disanjung tinggi.  
Terima kasih

## DAFTAR KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
PENGHARGAAN .....	iii
DAFTAR KANDUNGAN .....	iv
SENARAI JADUAL .....	vii
SENARAI SINGKATAN .....	viii
ABSTRAK .....	ix
ABSTRACT .....	xii
<b>BAB</b>	
<b>I PENGENALAN .....</b>	<b>1</b>
Latar Belakang .....	1
Pernyataan Masalah .....	6
Objektif Kajian .....	10
Soalan Kajian .....	10
Kepentingan Kajian .....	11
Batasan Kajian .....	12
Definisi Operasional .....	13
<b>BAB</b>	
<b>II SOROTAN BAHAN KAJIAN BERKAITAN .....</b>	<b>14</b>
Sebab-Sebab Berlakunya Pelanggaran Peraturan Disiplin di Sekolah-Sekolah .....	21
Sebab-Sebab Pelajar Melanggar Peraturan Kehadiran di Sekolah .....	24
Sebab-Sebab Pelajar Melanggar Peraturan Tertentu di Sekolah .....	26
Sebab-Sebab Pelajar Melanggar Peraturan Kesopanan di Sekolah .....	29
Sebab-Sebab Pelajar Melanggar Peraturan Kesamsengan di Sekolah .....	31
Sebab-Sebab Pelajar Melanggar Peraturan Penjenayahan di Sekolah .....	33



## BAB

<b>III</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b> .....	37
	Pengenalan .....	37
	Reka Bentuk Penyelidikan .....	38
	Populasi Dan Sampel .....	39
	Instrumen Kajian .....	41
	Mengumpul Dan Mentadbir Data .....	44
	Penganalisan Data .....	48

## BAB

<b>IV</b>	<b>HASIL DAN PERBINCANGAN</b> .....	49
	Pengenalan .....	49
	Keadaan Disiplin Sekolah .....	50
	Jenis-Jenis Pelanggaran Disiplin Oleh Pelajar .....	56
	Masalah Kehadiran .....	73
	Peraturan Tertentu di Sekolah .....	75
	Peraturan Sopan Santun dan Pencemaran .....	77
	Peraturan Kesamsengan dan Penipuan .....	79
	Peraturan Penjenayahan .....	81

## BAB

<b>V</b>	<b>KESIMPULAN DAN CADANGAN</b> .....	84
	Pengenalan .....	84
	Masalah Disiplin .....	86
	Cadangan .....	91

<b>BIBLIOGRAFI</b> .....	93
--------------------------	----

## LAMPIRAN

<b>A</b>	<b>Kebenaran Menjalankan Kajian di Sekolah-Sekolah Maktab-Maktab Perguruan, Jabatan-Jabatan Pendidikan, dan Bahagian-Bahagian Di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia</b> .....	97
----------	--	----



B	Kebenaran Menjalankan Penyelidikan/ Penulisan Ilmiah .....	103
C-1	Soal Selidik (1) .....	104
C-2	Soal Selidik (2) .....	106
C-3	Soal Selidik (3) .....	110
C-4	Soal Selidik (4) .....	118



## SENARAI JADUAL

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Halaman</b>
1.	Jenis-Jenis Kesalahan yang Dilakukan Oleh Pelajar	49
2.	Jenis-Jenis Tindakan yang Dikenakan kepada Pelajar	51
3.	Tempat-Tempat Penasihatatan Pelajar	54
4.	Analisis Kekekrapan dan Keseriusan Disiplin yang Dilanggar (Peringkat I)	56
5.	Analisis Kekekrapan dan Keseriusan Disiplin yang Dilanggar (Peringkat II)	58
6.	Analisis Kekekrapan dan Keseriusan Disiplin yang Dilanggar (Peringkat III)	59
7.	Analisis Kekekrapan dan Keseriusan Disiplin yang Dilanggar (Peringkat IV)	60
8.	Peratus Kekekrapan dan Keseriusan Disiplin Mengikut Pandangan Guru	62
9.	Sebab-Sebab Pelanggaran Peraturan Disiplin dan Tindakan Pihak Sekolah	71
10.	Sebab-Sebab Utama Ketidakhadiran Pelajar	74
11.	Sebab-Sebab Utama Pelanggaran Peraturan Tertentu di Sekolah	75
12.	Sebab-Sebab Utama Pelanggaran Peratuan Sopan-Santun dan Pencemaran	77
13.	Sebab-Sebab Utama Pelanggaran Peraturan Kesamsengan dan Penipuan	80
14.	Sebab-Sebab Utama Pelanggaran Peraturan Penjenayahan	82





## SENARAI SINGKATAN

1. HEM = Hal Ehwal Murid
2. JPWP = Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan
3. KPM = Kementerian Pendidikan Malaysia
4. MBM = Majlis Belia Malaysia
5. MSN = Majlis Sukan Negara
6. PDRM = Polis Diraja Malaysia
7. PIBG = Persatuan Ibu Bapa dan Guru
8. PJK = Pendidikan Jasmani dan Kesihatan
9. PMR = Penilaian Menengah Rendah
10. SMK = Sekolah Menengah Kebangsaan
11. SPBT = Skim Pinjaman Buku Teks
12. SPM = Sijil Pelajaran Malaysia



Abstrak projek yang dikemukakan kepada Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi sebahagian syarat bagi mendapatkan Ijazah Master Sains.

**PELANGGARAN PERATURAN DISIPLIN  
DI DUA BUAH SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN  
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

**Oleh:  
ABDULLAH BIN HASSAN**

**Mac 1999**

Penyelia : Profesor Madya Dr. Hjh. Kamariah bt. Hj. Abu Bakar

Fakulti : Pengajian Pendidikan, UPM

Isu pelanggaran peraturan disiplin di sekolah merupakan permasalahan global yang memerlukan usaha pembanterasan segera dan drastik. Semua pihak harus berganding bahu untuk menangani gejala sosial yang semakin meningkat dan menggerunkan.

Kajian yang dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti jenis-jenis pelanggaran peraturan disiplin, mencari sebab-sebab berlakunya pelanggaran, dan mencadang/mengesyorkan langkah-langkah penyelesaiannya. Kajian ini diharap dapat memberikan input kepada pihak yang bertanggungjawab terhadap penguatkuasaan disiplin pelajar di sekolah-sekolah.



Reka bentuk penyelidikan menggunakan pendekatan deskriptif yang berfokus kepada tinjauan dan menjawab soal selidik. Populasi kajian terdiri daripada guru-guru dan para pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sungai Besi dan SMK Seri Ampang, Kuala Lumpur. Pemilihan sampel seramai 260 responden (220 orang pelajar dan 40 orang guru) dipilih secara rawak (persampelan rawak).

Hasil dapatan yang diperolehi adalah berkaitan dengan jenis-jenis kesalahan yang dilakukan oleh pelajar, tindakan yang diambil oleh pihak sekolah, dan kekerapan dan keseriusan disiplin yang dilanggar. Jenis kesalahan yang kerap dilakukan oleh pelajar ialah datang lewat dan ponteng sekolah/kelas. Salah laku tersebut dihukum dengan mencatat dalam buku disiplin serta dirotan.

Responden guru terhadap pelanggaran peraturan disiplin di kalangan pelajar didapati pada tahap kurang serius. Guru-guru berpendapat bahawa salah laku pelajar di sekolah masih boleh diperbaiki seandainya semua pihak memberikan kerjasama dan menggembleng tenaga ke arah pengawalan.

Pihak sekolah turut bertindak untuk memperbaiki tahap disiplin pelajarannya seperti mengadakan program-program motivasi, memberi nasihat, menganjurkan kerja-kerja amal, dan mengadakan temu janji dengan ibu bapa. Di samping itu,

deraan psikologi, rotan, denda, dan surat amaran turut dilaksanakan bagi kesalahan/pelanggaran yang serius.

Kesimpulannya, pelanggaran peraturan disiplin sekolah berada pada tahap terkawal dan boleh dibendung. Sikap tegas dan berani dalam melaksanakan hukuman perlu tekal tanpa gentar dan pilih kasih. Segala masalah disiplin hendaklah dilaporkan tanpa memihak dan melindungi mana-mana pihak yang bersalah. Peranan sekolah sebagai institusi masyarakat perlu diperluaskan dan diberi perhatian sewajarnya.

Maka syor-syor yang praktikal seperti menyegerakan pemberian kuasa polis tambahan kepada guru-guru disiplin dan melaksanakan Akta Juvana 1972 sewajarnya dilaksanakan. Sesi bimbingan dan kaunseling mengikut pendekatan agama perlu diberi penekanan di sekolah agar pembentukan sahsiah pelajar dapat terbiná secara holistik dan menjadi benteng diri agar tidak mudah terjerumus ke dalam aktiviti sosial yang tidak bermanfaat.

Abstract of project presented to the Faculty of Educational Studies, University Putra Malaysia in partial fulfilment of the requirements for the Degree of Master of Science.

**THE VIOLATIONS OF DISCIPLINE RULES  
IN TWO SECONDARY SCHOOLS IN  
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

**By  
ABDULLAH HASSAN**

**March 1999**

Supervisor : Associate Professor Hj. Kamariah Hj. Abu Bakar, Ph.D

Faculty : Educational Studies

The issues of discipline rules violations in schools seem to be a global enigma (problem) which calls for immediate and drastic efforts to be taken. All parties should join efforts to overcome such increasing and terrifying social ills.

This study was carried out to identify the types of discipline rules violations, to seek the causes of such violations and to suggest the necessary measures of overcoming the violations. It is hoped that the study would provide some input to those responsible for enforcing student discipline in schools.



The research design made use of descriptive approach which focussed on surveys and questionnaire. The study group comprised teachers and students of Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Besi and Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Ampang, Kuala Lumpur. The sample consists of 260 respondents (220 students and 40 teachers).

The results obtained were related to the types of misconduct by students, actions taken by the school and frequent serious discipline infringement. Among those common are students coming late to school and playing truant. These were recorded into the Discipline Book and students punished through caning.

The teacher respondents view discipline rules violations among students as not serious. Teachers were of the opinion that wrong doings of students could be overcome if all parties cooperate and join towards control.

The steps taken by the school authorities to resolve the discipline problems of students include conducting motivational programmes, advising, carrying out social work activities and also by interviewing parents. Besides that, psychological 'abuse', punishment, caning and warning letters were enforced for serious cases.

In conclusion, discipline rules violations were under control and able to be curbed. Firmness and courage in imposing punishment should be consistent without fear and favour. All discipline problems should be reported without favouring or harbouring any guilty party. The role of the school as an institution of society should be broadened and given considerable attention.

Therefore, practical suggestions such as expediting authorization of additional police authority to discipline teachers and enforcing the 1972 Juvenile Act should be imposed. Guidance and counselling sessions through religious approach need to be given emphasis in schools to develop students personality holistically so as to prevent them from being involved in unhealthy social activities.



# BAB I

## PENGENALAN

### **Latar Belakang**

Masalah pelanggaran peraturan disiplin di sekolah ialah satu daripada soal yang tidak berhenti-henti dibincangkan oleh semua lapisan masyarakat umum. Kejadian-kejadian melanggar peraturan disiplin di sekolah-sekolah itu bukanlah merupakan perkara-perkara yang baru berlaku tetapi ia telah wujud dari dahulu lagi semenjak sejarah persekolahan bermula. Ia berlaku di mana-mana sahaja, baik di Timur mahupun di Barat. Masalah pelanggaran disiplin sekolah ini telah tersebar luas menerusi media massa seperti akhbar, majalah, radio, dan televisyen. Malah ia telah bergema dalam persidangan di Dewan Parlimen (Awang Had Salleh, 1991).

Menurut laporan surat khabar Utusan Malaysia pada 26/2/1997, menunjukkan keganasan berlaku sepanjang hari di bilik-bilik darjah; kerusi meja dipecah-pecahkan, guru-guru dikurung dan diugut akan dibunuh, jika ada yang cuba hendak menolongnya mereka dipukul dengan kerusi. Laporan ini menerangkan terdapat 1,800 kes keganasan berlaku di dalam bilik-bilik darjah sepanjang tahun 1997. Bilangan guru-guru yang dipukul bertambah daripada 150 kes pada tahun 1996 menjadi 221 kes dalam tahun 1997. Angka-angka ini mungkin tidak tepat kerana ada guru-guru yang hanya berdiam diri sahaja tentang keganasan itu.





Laporan Salah Laku Pelajar Sekolah Malaysia dari tahun 1985 hingga 1992 menunjukkan bahawa ponteng sekolah merupakan salah laku utama di kalangan pelajar. Salah laku ponteng ini jika dibiarkan berleluasa tanpa kawalan yang berkesan dikhuatiri akan meruntuhkan nilai moral pelajar dan boleh menjejaskan matlamat untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju. Ada kemungkinan yang berasas bahawa salah laku ponteng ini akan mendedahkan pelajar kepada salah laku negatif yang lain. Oleh itu, masalah ini perlu diatasi dengan segera.

Menurut Datuk Mazlan Ahmad, Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara (MSN) dalam Utusan Malaysia bertarikh 26 Februari 1997, masalah disiplin pelajar sekarang berlaku sejak ada kecenderungan sekolah mengurangkan waktu Pendidikan Jasmani dan Kesihatan (PJK) daripada tiga waktu seminggu kepada satu waktu sahaja. Secara fizikal, katanya, kanak-kanak atau remaja mempunyai tenaga yang melimpah-limpah (abundance) yang mesti disalurkan melalui aktiviti sukan dan fizikal, termasuk menyertai persatuan berseragam.

Ketua Pengarah MSN itu menambah bahawa usaha yang serius mesti dilakukan untuk mewujudkan suasana pelajar suka ke sekolah dan ketagih dengan sesuatu jenis permainan, bukan ketagih dadah. Para pelajar perlu diberi kebebasan sepenuhnya untuk beriadah, melakukan pendidikan jasmani dan bersukan atau aktiviti-aktiviti lain seperti pasukan beruniform supaya ia menjadi suatu tarikan yang popular.

Di Barat, seperti Negara Amerika Syarikat misalnya, Jonathan B. Bingham, telah bercakap di House of Representative pada bulan Januari 1989, melaporkan perangkaan yang bertambah dengan dramatiknya pada kategori-kategori yang tertentu dalam pelanggaran peraturan disiplin sekolah-sekolah rendah dan menengah dari tahun 1985 hingga tahun 1989. Peratus yang tinggi sekali dalam daftar itu ialah memukul guru, bertambah 7.1%, diikuti oleh mengambil dadah yang berbahaya iaitu 1.69%, bertambah 1.87% (Paul Williams, Jr., 1994). Pada hematnya, perangkaan ini tidaklah berapa tepat kerana ada guru-guru dan penuntut-penuntut yang tidak mahu melaporkan jenayah yang telah dilakukan ke atas diri mereka.

Laporan yang dibuat oleh Senate Subcommittee di atas kesalahan yang dilakukan oleh anak-anak muda adalah lebih membimbangkan negara itu lagi. Senator Birch Bayh yang membentangkan laporan itu mengatakan terdapat 70,000 kes memukul guru yang serius berlaku pada tiap-tiap tahun, di samping vandalisme, peras ugut, pengedaran dadah, pelacuran, rogol, pembunuhan dan lain-lain lagi. Tidak ada kawasan yang terlepas daripada bahaya-bahaya itu.

Di sebelah Timur seperti Negara Jepun pula yang pada suatu masa dahulu terkenal sebagai sebuah negara yang mempunyai peraturan disiplin yang paling ketat di dunia, telah berjaya mengekalkan adat tradisinya itu dari zaman ke zaman sehinggalah negara itu jatuh ke tangan Amerika dalam Peperangan Dunia Kedua pada tahun 1945 yang lalu. Pada akhir abad kedua puluh ini, negara itu sama-sama dengan negara lain menghadapi masalah pelanggaran peraturan disiplin di sekolah-sekolahnya (KPM, 1990).

Pihak Lembaga Pelajaran Metropolitan Tokyo mengakui tentang adanya keganasan itu dan vandalisme berlaku di sekolah-sekolah tinggi Jepun. Lembaga itu juga mengakui yang perlakuan-perlakuan *delinkuen* di sekolah-sekolah tinggi Jepun itu telah mencapai ke peringkat yang kritikal dan ia perlu mendapat perhatian daripada semua pihak.

Peristiwa-peristiwa seperti memukul dan mengugut guru, memeras ugut pelajar lain, mengedar dadah, membunuh rakan dan menganggotai kumpulan kongsi gelap (gengstarism) adalah berleluasa dan sukar dikawal. Maka beberapa langkah drastik telah diusahakan seperti menguatkuasakan Akta Juvana 1972 dan memberikan Kuasa Polis Tambahan kepada guru-guru disiplin adalah dialu-alukan.

Keputusan melengkapkan guru disiplin dengan Kuasa Polis Tambahan itu telah dicapai dalam pertemuan antara Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mohd. Najib b. Tun Abdul Razak dengan Ketua Polis Negara, Tan Sri Rahim Noor di Kementerian Pendidikan pada 25 Februari 1997 yang lalu. Guru disiplin akan mendapat garis panduan serta latihan supaya tahu menggunakan kuasa yang diberikan kepada mereka dan tidak menyalahgunakannya

Menurut Menteri Pendidikan lagi, pihak polis juga akan melihat kemungkinan menguatkuasakan satu peruntukan dalam Akta Juvana 1972 yang menyatakan ibu bapa boleh dipertanggungjawabkan oleh mahkamah jika anak-anak mereka terus melakukan perbuatan salah laku yang buruk. Peruntukan dalam bentuk bon yang boleh dikenakan oleh mahkamah ini tidak pernah dipakai. Sudah

sampai masanya polis melihat peruntukan ini supaya ibu bapa dipertanggungjawabkan atas salah laku anak mereka.

Pelbagai masalah sosial di kalangan pelajar juga turut membimbangkan pelbagai pihak termasuk pemimpin-pemimpin Kesatuan Guru. Mereka mengalu-alukan keputusan kerajaan untuk memberikan kuasa polis tambahan kepada guru disiplin bagi membolehkan guru berkenaan menjalankan tugas tanpa sebarang kebimbangan. Walau bagaimanapun, satu panduan lengkap perlu dikeluarkan segera untuk memastikan kuasa yang diberi tidak melebihi batas dan hanya terhad di kawasan sekolah sahaja. Suatu perkara yang sangat perlu diberikan perhatian ialah jangan sampai hubungan guru dan pelajar menjadi renggang ekoran kuasa polis yang diberikan itu.

Setiausaha Agung Majlis Belia Malaysia (MBM) Saifuddin Abdullah dalam Berita Harian, 12 Februari 1997 menegaskan bahawa MBM berharap keputusan kerajaan memberikan Kuasa Polis Tambahan itu dikuatkuasakan segera berikutan masalah juvana yang semakin serius. Menurutnya, langkah itu dijangka meningkatkan motivasi guru-guru disiplin dan membolehkan mereka bertugas dengan berani dan berkesan. Bagaimanapun, sokongan padu Pengetua/Guru Besar, guru dan ibu bapa perlu diperolehi secara mantap.

Setiausaha Agung Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), N. Siva Subramaniam menyokong cadangan KPM untuk memberikan Kuasa Polis Tambahan kepada guru-guru disiplin dan yakin guru-guru tersebut tidak akan menyalahgunakan kuasa tambahan tersebut. Beliau turut mencadangkan supaya kuasa polis tambahan tersebut boleh digunakan di kawasan luar sekolah bagi mengawasi kegiatan kurang sihat di kalangan pelajar sekolah.

### **Pernyataan Masalah**

Usaha untuk mengurangkan kejadian pelanggaran peraturan disiplin di sekolah amat penting demi kebaikan generasi akan datang. Sebenarnya masalah disiplin di sekolah-sekolah ini bukanlah satu masalah yang baru. Malah masalah ini telah wujud begitu lama semenjak konsep persekolahan dimulakan di negara ini, sebelum negara ini mencapai kemerdekaan lagi. Pengkaji sendiri telah melihat pelanggaran peraturan disiplin di sekolah-sekolah ini semenjak dari tahun 1981 lagi, iaitu pada masa pengkaji mula-mula menjadi guru dahulu. Dalam jangka masa yang begitu panjang belum ada satu hari pun dari hari-hari persekolahan itu yang bersih daripada pelanggaran peraturan disiplin.

Media massa banyak memperkatakan dan menyiarkan berita-berita berkaitan disiplin pelajar sekolah. Pelbagai persoalan dikemukakan, khususnya mengenai langkah-langkah yang patut diambil oleh pihak-pihak yang berkenaan. Hal ini kepada sesetengah pihak seolah-olah menunjukkan bahawa keadaan disiplin di sekolah sudah tidak terkawal lagi, dan pastinya membangkitkan kebimbangan di

kalangan ahli masyarakat terutama ibu bapa tentang masa depan anak-anak dan negara amnya.

Salah satu pelanggaran peraturan disiplin yang dianggap serius dan berleluasa ialah ponteng sekolah dan ponteng kelas. Kedua-dua ponteng ini merupakan perlakuan yang menyalahi peraturan sekolah dan jika dijadikan satu tabiat dan amalan, boleh membawa kesan yang negatif terhadap diri pelajar sendiri, keluarganya, dan juga sekolah.

Ponteng sekolah dan ponteng kelas memungkinkan seseorang pelajar itu hilang sifat bertanggungjawab, suka berbohong, berdolak-dalik, dan menentang. Pelajar yang ponteng akan ketinggalan dalam pelajaran dan mungkin akan terlibat dengan kegiatan-kegiatan negatif, dan berakhir dengan keciciran.

Terdapat bermacam-macam jenis pelanggaran disiplin yang berlaku di sekolah. Mengikut laporan yang dikeluarkan oleh Dato' Mohd. Khalid Yunus, Timbalan Menteri Pendidikan di Dewan Rakyat pada 3 November 1993, bilangan pelajar yang terlibat dalam kes penyalahgunaan dadah dan kes jenayah ialah 409 orang. Angka ini menunjukkan pertambahan yang mendadak iaitu daripada 121 orang dalam tahun 1990, kepada 264 orang dalam tahun 1991 dan menjadi 396 orang dalam tahun 1992.

Taraf disiplin dan suasana di sekolah kurang terpelihara dan tidak mendorong ke arah peningkatan dalam pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Peraturan-peraturan sekolah yang telah ditetapkan oleh pihak atasan bagi mengawal disiplin pelajar sekolah tidak dikuatkuasakan sepenuhnya. Kurikulum yang kompleks seperti pelaksanaan kurikulum formal, stail pengajaran, penjadualan dan pengelolaan program serta kekeliruan tanggungjawab merupakan faktor penyumbang kepada permasalahan disiplin pelajar sekolah.

Ahmad Jaffni Hassan (1992) menegaskan bahawa masalah disiplin masih menjadi isu yang belum dapat dicari jalan penyelesaiannya. Oleh itu, beberapa usaha ke arah kompromi untuk mengelakkan perlakuan melanggar peraturan disiplin di sekolah-sekolah perlu diberi perhatian serius. Tetapi masih ramai antara guru-guru tidak suka terikat kepada peraturan-peraturan tertentu, lalu mengambil jalan dekat untuk menyelesaikan masalah disiplin itu seperti merotan, mencaci, menyuruh berdiri di atas bangku atau sebagainya. Perbuatan itu menyebabkan keadaan disiplin menjadi lebih buruk lagi.

Masalah disiplin bilik darjah turut dihadapi oleh Guru-Guru Pelatih sepanjang tempoh latihan mengajar mereka. Masalah disiplin dan kemahiran menghadapinya menimbulkan “stress” di samping menggugat keyakinan untuk meneruskan kerjaya. Jenis-jenis masalah/pelanggaran peraturan disiplin yang dikenal pasti ialah ponteng, tidak mematuhi arahan, mengganggu pengajaran, dan bertingkah laku biadap (tidak bersopan).

Selain itu, pelajar sekolah menengah sering kali membawa masalah kepada sekolah seperti datang lewat, berambut panjang, menghisap rokok, bergaduh, dan mencuri. Walaupun beberapa hukuman dan tindakan telah dikenakan terhadap pelajar yang didapati bersalah, pihak sekolah menghadapi risiko yang begitu sensitif (Ahmad Jaffni Hassan, 1992).

Masalah pelanggaran peraturan disiplin ini jika dibiarkan akan mengganggu kelancaran perjalanan sistem persekolahan. Hubungan harmoni dalam proses pengajaran dan pembelajaran tidak akan wujud. Para guru tidaklah boleh menganggap diri mereka mempunyai kuasa mutlak yang boleh dikenakan kepada sebarang murid. Kelonggaran perlu dibuat dalam mewujudkan peraturan disiplin sekolah kerana para pelajar yang datang ke sekolah itu banyak membawa masalah.

Para pelajar yang memasuki sekolah (dibawa memasuki sekolah dan bilik darjah) telah sedia dengan pelbagai masalah disiplin/diri yang berpunca daripada dunia luarnya, rumahnya, atau melalui kelas/bilik lain. Kemunculan pelajar berkenaan sudah tentu akan memperkembang masalah yang sedang dihadapi oleh guru dan kelas/bilik darjah barunya. Maka masalah-masalah disiplin yang pelbagai akan timbul dan ada hubung kait antara guru, sekolah, pelajar, dan komuniti.



## **Objektif Kajian**

Secara khususnya kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti masalah pelanggaran peraturan disiplin di dua buah sekolah menengah kebangsaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Antara objektif eksplisit kajian ini ialah:

- a) Menenalpasti jenis-jenis pelanggaran peraturan disiplin di dua buah sekolah dalam kajian
- b) Mengetahui sebab-sebab berlakunya pelanggaran peraturan disiplin di kalangan pelajar di sekolah-sekolah kajian
- c) Membuat analisis terhadap kategori pelanggaran disiplin yang sering dilakukan oleh pelajar; dan
- d) Mencadangkan jalan penyelesaian terhadap pelanggaran peraturan disiplin yang dilakukan oleh pelajar.

## **Soalan Kajian**

- 1) Apakah jenis-jenis pelanggaran disiplin yang sering dilakukan oleh pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan?
- 2) Apakah sebab-sebab berlakunya pelanggaran peraturan disiplin di kalangan pelajar di sekolah-sekolah?
- 3) Apakah kategori pelanggaran yang sering dilakukan oleh para pelajar?